

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kegiatan Airbnb menarik pelanggan secara atas talian menyediakan penginapan murah yang mengancam perniagaan hotel-hotel biasa tanpa dikenakan cukai pelancongan, apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini di samping Kerajaan boleh mendapat hasil cukai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar akan isu-isu yang menggusarkan pihak industri hotel khususnya hotel-hotel bajet yang mendakwa operasi mereka terjejas dengan kewujudan Airbnb. Susulan itu, Kerajaan telah menubuhkan *Working Group on Home Sharing Economy* atau WGHSE bagi membangunkan garis panduan atau *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations*. Di bawah WGHSE, sebuah Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyediakan dokumen panduan yang merangkumi perkara-perkara berkaitan pendaftaran, keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan. Garis panduan ini merupakan rujukan bagi agensi kawalselia dan pihak berkuasa tempatan dalam mengawalselia aktiviti penginapan jangka pendek di bawah bidang kuasa masing-masing kelak. Draf garis panduan sedang melalui beberapa siri rundingan bersama agensi-agensi kerajaan dan penggiat industri yang terlibat dan pada masa yang sama akan disiarkan untuk pandangan umum (*public comments*) selama sebulan bermula 30 September 2019 sehingga 30 November 2019 secara dalam talian melalui portal *Unified Public Consultation* di alamat <http://upc.mpc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.